

Penilaian Terhadap Kursus Mualaf Di Selangor

The Evaluation to the Mualaf Courses in Selangor

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah¹, Mariam Binti Abd. Majid², Syarul Azman Bin Shahrudin³, Latifah Bibi Musafar Hameed⁴, Hanis Najwa Shahrudin,⁵ & Nurfida'iy Salahuddin⁶

ABSTRAK

Bahagian Pembangunan Insan, Majlis Agama Islam Selangor merupakan salah satu bahagian yang menguruskan hal ehwal mualaf. Manakala setiap mualaf yang berdaftar di bawah MAIS ini pula seharusnya mengikuti kursus yang telah di tetapkan. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk membuat penilaian terhadap kursus mualaf yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Selangor. Kajian kuantitatif telah diaplikasikan menerusi pengedaran sebanyak 236 set soal selidik secara rawak dan dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan tahap penilaian responden terhadap kursus asas mualaf di Selangor pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mencatat nilai min = 4.31. Bagi tahap penilaian kursus lanjutan mualaf di Selangor pada keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi dengan mencatat nilai min = 4.42. Kajian ini dapat mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh pihak pengurusan terutama yang melibatkan modul dan jangka masa kursus serterusnya dapat memantapkan lagi keberkesanan pengurusan mualaf mulai dari fasa sebelum, semasa dan selepas memeluk Islam.

Kata Kunci: *Penilaian, Modul, Kursus, Mualaf, Selangor*

ABSTRACT

The Human Development Division, Selangor Islamic Religious Council (SIRC) is one of the areas that manages the affairs of the Muslim newly converts (*mualaf*). Any *mualaf* under SIRC are responsible to follow the courses that have been set. Therefore, this study is intended to evaluate the *mualaf* courses conducted by SIRC. Quantitative studies were applied through the distribution of 236 sets of questionnaires randomly and analyzed descriptively using SPSS software. The findings show that the level of respondents' assessment of the *mualaf* basic course in Selangor is at a high level in overall with a mean value of 4.31. For the evaluation level of the *mualaf* extension course in Selangor in overall is at a high level with a mean value of 4.42. This study is able to identify the constraints faced by the top management which involves modules and

¹Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, PhD Dakwah, Master Dakwah, Degree Dakwah (UKM), Diploma Dakwah (KUIS). Pekerjaan: Pensyarah di Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, KUIS. Email: yusufmarlon@kuis.edu.my

²Mariam Abd Majid, PhD Dakwah, Master Dakwah, Degree Dakwah (UM). Pekerjaan: Pensyarah di Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, KUIS. Email: mariam@kuis.edu.my

³Syarul Azman Shahrudin, PhD Dakwah (UKM), Master Dakwah (UM), Degree Dakwah (Indonesia). Pekerjaan: Pensyarah di Jabatan Dakwah & Usuluddin, FPPI, KUIS. Email: syarulazman@kuis.edu.my

⁴Latifah Bibi Musafar Hameed, Pengarah IRCIEF, KUIS. Email: latifabibi@kuis.edu.my

⁵Hanis Najwa Shahrudin, Master Pendidikan (UKM), Degree Bahasa Arab (Jordan). Pekerjaan: Pensyarah di Pusat Pengajian Teras, KUIS. Email: hanisnajwa@kuis.edu.my

⁶Nurfida'iy Salahuddin, Calon Master (UKM), Degree (UKM), Diploma (KUIS). Calon Sarjana Institut Islam Hadhari, UKM. Emel: fida'iy@yahoo.com.

the course duration which further can enhance the effectiveness of *mualaf* management from the pre, current and post phases of Islam.

Keywords: Assessment, Module, Course, *Mualaf*, Selangor

Pengenalan

Menurut rekod pengislaman daripada tahun 2010 hingga tahun 2015, terdapat seramai 10,489 orang yang telah didaftarkan pengislamannya di Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ini menunjukkan ramai golongan mualaf yang telah memeluk Islam di negeri Selangor. Di samping itu, MAIS juga dilihat sebagai sebuah Majlis Agama Islam Negeri yang terkehadapan dalam usaha menguruskan hal ehwal mualaf melalui penubuhan satu bahagian khusus bagi pengurusan mualaf iaitu Bahagian Pembangunan Insan (Buletin MAIS 2006).

Penggunaan gelaran mualaf kepada yang memeluk Islam diguna pakai selama 5 tahun bermula daripada tarikh dan tahun seseorang mendaftarkan pengislamannya di MAIS. Ini adalah berdasarkan Fatwa Negeri Selangor bertarikh 25 Oktober 2007 dimana had tempoh panggilan mualaf adalah selama 5 tahun berdasarkan *uruf* dengan syarat mengikuti kelas-kelas agama yang diiktiraf atau dianjurkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Di samping itu juga, MAIS bertanggungjawab membiayai segala kos pembelajaran bagi mualaf tersebut (Buletin MAIS 2006).

Mohamad Zaid Mohd Zain (2004) menyatakan melalui hasil dapatan kajian beliau bahawa kesan pendidikan agama dalam kalangan saudara baru masih belum mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Perkara ini, pihak berwajib perlu merancang program pendidikan yang lebih sistematik dan juga menyelaras modul pendidikan untuk saudara baru. Maka dengan itu, program pendidikan dan pengajaran agama dalam kalangan saudara baru ini perlu dilaksanakan selaras dengan keperluan dan kehendak saudara baru.

Manakala kajian lain berkaitan mualaf ialah kajian yang ditulis oleh Anuar Puteh (1999) bertajuk Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina Kuala Lumpur. Fokus kajian ini adalah untuk meneliti program-program yang dapat membantu menerapkan kefahaman Islam saudara baru Cina Kuala Lumpur. Kajian ini juga turut mendapati bahawa pertubuhan seperti JAWI, PERKIM dan MACMA telah memainkan peranan penting dalam memberikan didikan dan bimbingan keagamaan kepada saudara baru Cina di Kuala Lumpur. Terdapat pelbagai program meliputi program harian, mingguan, bulanan dan tahunan telah dilaksanakan serta ianya mampu memberikan kefahaman kepada golongan sasaran. Hasil kajian mendapati beberapa masalah yang dihadapi oleh pertubuhan-pertubuhan berkaitan seperti masalah tenaga pendakwah, komunikasi, kewangan, sikap prejudis dan sebagainya dapat dikurangkan.

Keperluan Kursus Mualaf Di Selangor

Berdasarkan Jadual 1 menandakan jumlah mualaf yang telah mendaftar di setiap pusat pendaftaran agama. Statistik dari tahun 2010 hingga 2015 menunjukkan bahawa PERKIM, Ibu Pejabat, daerah Hulu Langat dan daerah Petaling merupakan pusat yang mencatatkan angka tertinggi bagi pendaftaran pemeluk Islam dalam kalangan bukan Islam. Justeru itu,

penyediaan kursus bagi golongan ini merupakan tanggungjawab bagi pihak berwajib supaya dapat membantu mereka memahami dan menghayati ajaran baru yang mereka anuti.

Penyediaan silibus pembelajaran yang tidak komprehensif boleh menimbulkan masalah ketidakfahaman saudara baru terhadap subjek dan mata pelajaran yang dipelajari. Menurut Che Pee (1983), dalam kajiannya beliau mendapati bahawa proses pengajaran dan pembelajaran agama Islam kepada saudara baru, tenaga pengajar mempunyai masalah kaedah mengajar. Ini kerana, tenaga pengajar terlalu menumpukan kepada teori dan tidak ada buku panduan khusus dalam mata pelajaran yang diajar.

Jadual 1 Statistik jumlah muallaf yang mendaftar di MAIS (2010-2015)

STATISTIK JUMLAH MUALLAF YANG BERDAFTAR DI MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN 2010-2015 (SEHINGGA JUN 2015)

TAHUN	PUSAT PENDAFTARAN																			JUMLAH TAHUN	
	GBKT	GBKB	H. LGT	H. SEL	KLK	K. LGT	K. SEL	PTLG	S. B	SPG	BPPM	PKM	IOA	IKRAM	MACMA	MRM	UITM	UKM	UPM		UIAM
2015	59	86	146	8	88	36	50	227	27	27	81	264	32	73	2	2	0	2	0	0	1210
2014	141	98	259	107	214	98	47	477	32	61	168	563	110	103	15	-	-	-	-	-	2493
2013	117	100	268	153	206	85	36	226	31	56	475	311	28	15	4	-	-	-	-	-	2111
2012	64	61	197	95	137	76	32	75	18	59	427	318	7	-	-	-	-	-	-	-	1566
2011	67	59	176	68	142	52	26	90	25	62	380	332	5	-	-	-	-	-	-	-	1484
2010	107	45	277	123	140	88	24	138	7	48	315	310	3	-	-	-	-	-	-	-	1625
JUMLAH	555	449	1323	554	927	435	215	1233	140	313	1846	2098	185	191	21	2	0	2	0	0	10489

BIL	PUSAT PENDAFTARAN
1	BPPM IBU PEJABAT
2	PTLG PETALING
3	KLK KLANG
4	K. LGT KUALA LANGAT
5	SPG SEPANG
6	H. LGT HULU LANGAT
7	GBKT GOMBAK TIMUR
8	GBKB GOMBAK BARAT
9	H. SEL HULU SELANGOR
10	S. B SABAK BERNAM
11	K. SEL KUALA SELANGOR

BIL	PUSAT PENDAFTARAN
12	IOA ISLAM OUTREACH ABIM
13	PKM PERKIM
14	IKRAM IKRAM SELANGOR
15	MACMA MACMA SELANGOR
16	MRM MULTIRACIAL REVERTED MUSLIM
17	UITM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
18	UKM UNIVERSITI KEBANGSAAN
19	UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
20	UIAM UNIVERSITI ISLAM

* Jumlah Pengislaman keseluruhan terkini : 33,896 orang (tahun 1950-Jun 2015)

UNIT PENDAFTARAN DAN PENGURUSAN REKOD MUALLAF
BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PEMBANGUANN MUALLAF, MAIS

Penilaian Muallaf Terhadap Kursus Asas Di Selangor

Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min dijalankan bagi mengenal pasti tahap penilaian isi kandungan kursus muallaf. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 2 berikut.

a. **Penilaian Isi Kandungan Kursus Asas Mualaf**

Jadual 2 Tahap Penilaian Isi Kandungan Kursus Asas Mualaf di Selangor

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Modul kursus ini mudah difahami	4.37	0.63	Tinggi
2.	Isi kandungan modul kursus ini jelas	4.34	0.81	Tinggi
3.	Modul kursus ini meningkatkan kefahaman Islam kepada saya	4.59	0.51	Tinggi
4.	Modul kursus ini membantu saya mengenal Islam	4.60	0.52	Tinggi
5.	Modul kursus ini terlalu sukar bagi saya	3.39	1.21	Sederhana
6.	Modul kursus ini dapat menguatkan pegangan saya untuk kekal dalam Islam	4.56	0.65	Tinggi
7.	Modul kursus ini sesuai untuk saya	4.55	0.63	Tinggi
8.	Saya mempunyai peluang untuk bertanya semasa ceramah disampaikan	4.35	0.97	Tinggi
9.	Saya berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh penceramah	4.51	0.81	Tinggi
10.	Bimbingan daripada fasilitator memudahkan kefahaman saya terhadap modul kursus ini	4.60	0.59	Tinggi
11.	Penerangan fasilitator menarik minat saya	4.53	0.76	Tinggi
12.	Penceramah menghuraikan topik ceramah dengan contoh-contoh yang mudah difahami oleh saya	4.43	0.81	Tinggi
13.	Setiap penceramah ada memberi motivasi untuk saya menghadapi cabaran hidup setelah memeluk Islam	4.57	0.54	Tinggi
14.	Jangka masa pelaksanaan kursus ini terlalu padat	3.95	1.01	Tinggi
15.	Tempoh 4 hari kursus ini telah mencukupi untuk saya mengenal Islam secara keseluruhan	3.60	1.21	Sederhana
	Min Keseluruhan	4.32	0.43	Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2015)

Jadual 2 mendapati bahawa setiap item bagi tahap penilaian isi kandungan kursus asas mualaf di Selangor berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 4 (Modul kursus ini membantu saya mengenal Islam) iaitu nilai min = 4.60 dengan sisihan piawai = 0.52 dan item 10 (Bimbingan daripada fasilitator memudahkan kefahaman saya terhadap modul kursus ini) iaitu nilai min = 4.60 dengan sisihan piawai 0.59). Diikuti dengan item 3 (Modul kursus ini meningkatkan kefahaman Islam kepada saya) iaitu nilai min = 4.59 dengan sisihan piawai 0.51). Item yang mencatat min sederhana ialah item 5 (Modul kursus ini terlalu sukar bagi saya) iaitu nilai min = 3.39 dengan sisihan piawai 1.21. Seterusnya item yang mendapat nilai min sederhana ialah pada item 15 (Tempoh 4 hari kursus ini telah mencukupi untuk saya mengenal Islam secara keseluruhan) iaitu nilai min = 3.60 dengan sisihan piawai 1.21. Pada keseluruhannya, min keseluruhan bagi tahap penilaian

isi kandungan kursus asas mualaf di Selangor berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min = 4.32 dengan sisihan piawai 0.43.

b. Penilaian Isi Kandungan Kursus Lanjutan Mualaf

Analisis deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan dan min dijalankan bagi mengenal pasti tahap penilaian isi kandungan kursus lanjutan mualaf. Hasil analisis deskriptif tersebut seperti Jadual 3 berikut.

Jadual 3 Tahap Penilaian Isi Kandungan Kursus Lanjutan Mualaf di Selangor

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Modul kursus ini mudah difahami	4.25	0.80	Tinggi
2.	Isi kandungan modul kursus ini jelas	4.28	0.99	Tinggi
3.	Modul kursus ini meningkatkan kefahaman Islam kepada saya	4.42	0.90	Tinggi
4.	Modul kursus ini terlalu sukar bagi saya	3.31	1.23	Sederhana
5.	Modul kursus ini dapat menguatkan pegangan saya untuk kekal dalam Islam	4.48	0.99	Tinggi
6.	Modul kursus ini sesuai untuk saya	4.40	0.79	Tinggi
7.	Saya mempunyai peluang untuk bertanya semasa ceramah disampaikan	4.07	1.11	Tinggi
8.	Saya berpuas hati dengan jawapan yang diberikan oleh penceramah	4.25	0.89	Tinggi
9.	Bimbingan daripada fasilitator memudahkan kefahaman saya terhadap modul kursus ini	4.25	1.09	Tinggi
10.	Penerangan fasilitator menarik minat saya	4.30	1.08	Tinggi
11.	Penceramah menghuraikan topik ceramah dengan contoh-contoh yang mudah difahami oleh saya	4.46	0.94	Tinggi
12.	Setiap penceramah ada memberi motivasi untuk saya menghadapi cabaran hidup setelah memeluk Islam	4.52	0.82	Tinggi
13.	Jangka masa pelaksanaan kursus ini terlalu padat	3.67	1.00	Tinggi
14.	Tempoh 4 hari kursus ini telah mencukupi untuk saya mengenal Islam secara keseluruhan	3.31	1.29	Sederhana
	Min Keseluruhan	4.14	0.59	Tinggi

Sumber: Soal Selidik (2015)

Jadual 3 mendapati bahawa setiap item bagi tahap penilaian isi kandungan kursus lanjutan mualaf di Selangor berada pada tahap tinggi dan sederhana. Nilai min yang paling tinggi dicapai oleh item 12 (Setiap penceramah ada memberi motivasi untuk saya menghadapi cabaran hidup setelah memeluk Islam) iaitu nilai min = 4.52 dengan sisihan piawai 0.82. Diikuti dengan item 5 (Modul kursus ini dapat menguatkan pegangan saya untuk kekal dalam Islam) iaitu nilai min = 4.48 dengan sisihan piawai 0.99). Item yang mencatat min sederhana ialah item 4 (Modul kursus ini terlalu sukar bagi saya) dan 14 (Tempoh 4 hari

kursus ini telah mencukupi untuk saya mengenal Islam secara keseluruhan) yang masing-masing mendapat nilai min = 3.31 dengan sisihan piawai 1.23. Pada keseluruhannya, min keseluruhan bai tahap penilaian isi kandungan kursus lanjutan mualaf di Selangor berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min = 4.14 dengan sisihan piawai 0.59.

Perbincangan

Nur A'thiroh (2009) menyatakan bahawa golongan mualaf kebiasaannya menghadapi lima tahap psikologi, iaitu tahap tenang, tahap konflik kepercayaan, tahap desakan mencari kebenaran agama, tahap tekanan psikologi dan tahap tenang semula. Cabaran psikologi yang dihadapi oleh saudara Muslim seperti cabaran penghayatan agama, tekanan psikologi dari keluarga, keluarga angkat dan masyarakat dan tekanan psikologi untuk menyesuaikan diri ke dalam agama baru. Kecelaruan psikologi saudara Muslim akan menyebabkan mereka hidup dalam tekanan dan akan mengganggu gugat pegangan akidah mereka. Proses sebelum dan selepas memeluk Islam menjadikan seorang mualaf perlu mendalami, menghayati seterusnya mengaplikasi ajaran Islam. Oleh itu, proses awal pemantapan akidah perlu di beri penekanan oleh pihak tertentu agar mualaf bermotivasi tinggi mendalami ajaran Islam.

Menyentuh mengenai teori pembelajaran menurut pandangan Knowles (1984) pula ia menyatakan bahawa orientasi pembelajaran lebih tertumpu kepada keperluan diri bagi seorang dewasa sama ada ia berorientasikan masalah, pekerjaan ataupun kehidupan. Sekiranya berkemampuan, ia mahu mengaplikasikan apa sahaja yang dipelajarinya secepat mungkin.

Dalam konteks kajian ini, mualaf sangat memerlukan pendidikan. Sebagai anggota baru dalam masyarakat Muslim, sudah tentu mereka mempunyai pelbagai masalah yang perlu diatasi (Ibrahim 1995, Zainurin 1992). Sebagai contoh untuk memenuhi amalan agama yang baru di anuti dan untuk menyesuaikan diri dengan umat Islam yang lain, reaksi rakan, majikan dan keluarga. Antara masalah yang lain pula ialah kerumitan untuk belajar, tiada tempat tinggal dan jenis pekerjaan yang kurang sesuai setelah memeluk Islam (Ibrahim 1995; Ramli 1993). Justeru itu, perancangan program pembelajaran bagi seroang mualaf perlulah dirancang secara sistematik dengan melihat kepada aspek-aspek yang perlu diberi penekanan.

Melalui observasi yang dilakukan, responden dapat menguasai isi kandungan modul namun terdapat beberapa tajuk yang mengelirukan. Antaranya, istilah jenis-jenis air dan istinjak. Manakala sebahagian responden juga berasa susah untuk memahami modul yang ditulis dalam bahasa Melayu kerana mereka tidak mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan seharian. Dari segi pelaksanaan kursus, penceramah memberi contoh-contoh yang mudah difahami namun terdapat beberapa tajuk yang susah difahami oleh mualaf seperti tajuk istinjak. Mereka juga berpendapat bahawa terdapat sebahagian penceramah perlu menerangkan dengan lebih mendalam dengan sesuatu tajuk yang disampaikan. Penceramah tidak perlu terlalu mengejar masa sehingga menyebabkan mualaf kurang memahami tajuk yang disampaikan.

Mohd Azmi Mat Sah et al (2003) mencadangkan keselesaan kelas, kemampuan pengajar menggunakan pelbagai bahasa dan beberapa aspek isi kandungan pelajaran perlu diberi perhatian oleh pendakwah. Manakala dari segi teknik penyampaian fasilitator pula, Maziah (1995) mencadangkan bahawa program dakwah perlu dimulakan perkara-perkara yang menjadi kesukaan mereka dahulu. Sebagai contoh kemasyarakatan dan pergaulan sosial

seterusnya barulah dikaitkan dengan agama. Selain itu, fasilitator juga perlu menguasai beberapa bahasa lain seperti bahasa Inggeris, Cina, Tamil atau bahasa lain kerana mualaf datang daripada pelbagai latar belakang dan etnik serta budaya. Ini kerana, majoriti responden menyatakan bahawa mereka sukar menghafaz lafaz-lafaz dalam bahasa Arab. Seperti yang telah dinyatakan, mereka baru sahaja memeluk Islam dan terus didedahkan dengan bahasa Arab dan ini menyebabkan mereka sukar menghafaz lafaz-lafaz dalam bahasa Arab.

Seperti yang dilaporkan oleh Mahfuz (1992) pula, walaupun mereka sepenuh hati menerima Islam sebagai cara hidup, tetapi mereka masih lagi tidak memahami apakah yang tergolong dalam ibadah. Dengan demikian, pembelajaran perlu bukan sahaja untuk meningkatkan tahap kognitif tentang Islam tetapi juga amalan yang dituntut. Mualaf sedang membina persepsi diri mengenai nilai, kepercayaan dan amalan hidup yang belum pernah mereka alami sebelum ini.

Merujuk kepada kajian Wan Fauziah (1992), responden menyatakan bahawa mereka tidak dapat memahami sesuatu pelajaran dengan baik kerana terlalu banyak perkara yang dipelajari setiap sesi kelas. Manakala ada juga sebahagian yang lain masih kurang faham tujuan mereka belajar untuk satu-satu sesi, apa yang seharusnya dipelajari terlebih dahulu dan daripada mana hendak bermula pembelajaran. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kurikulum pembelajaran saudara baru adakalanya dijalankan secara *ad hoc* tanpa menetapkan profil pelajar yang menghadiri sesuatu sesi pembelajaran. Manakala Syarul Azman et. al. (2016) melaporkan bahawa suatu usaha perlu disusun untuk membantu golongan mualaf ini agar matlamat untuk menjinakkan hati mereka dan berpegang teguh dengan akidah Islam dapat dicapai.

Kesimpulan

Hasil kajian, secara keseluruhan kursus berada pada tahap yang baik namun terdapat beberapa penceramah yang perlu memperbaiki kaedah pengajaran dan perbincangan yang berkaitan dengan isu-isu semasa supaya para mualaf dapat menghadapi pelbagai cabaran yang mereka perlu tempuhi sebagai seorang mualaf. Walaupun peserta bagi kursus ini adalah mereka yang telah memeluk agama Islam 5 tahun ke atas, namun mereka masih mentah untuk memahami Islam secara keseluruhannya. Oleh itu, isi kandungan yang disampaikan penceramah perlu diringkaskan sedikit supaya mudah difahami oleh para peserta.

Antara slot kursus yang dicadangkan ialah perbincangan mengenai isu mualaf, masa hadapan mereka sebagai mualaf dan harapan mereka sendiri sebagai seorang mualaf. Selain itu, perlu dibincangkan dan diterangkan secara ringkas mengenai apa yang mereka boleh buat dan tidak boleh buat di dalam Islam. Bukan itu sahaja, perlu juga dimasukkan sesi memberi '*reason*' kepada mualaf lebih pada bab feqah. Mereka perlu diterangkan sebab mereka perlu melakukan ibadah-ibadah tersebut supaya pegangan mereka terhadap agama Islam itu lebih kuat dan mereka mengetahui sebab sesuatu yang mereka kerjakan.

Tambahan lagi, pada slot-slot kursus yang diberikan, penceramah perlu melebihi praktikal untuk keberkesanan kursus. Praktikal perlu diberikan terlebih dahulu supaya ketika penerangan, mereka akan lebih mudah memahami dan hanya menambah kefahaman ketika sesi penerangan tersebut. Pada kursus asas dicadangkan untuk membuat ujian sendiri.

Justeru, untuk kajian lanjutan juga perlu dijalankan ujian sendiri untuk melihat tahap mualaf pada kursus lanjutan.

Rujukan

- Anuar Puteh. 1999. *Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azman Ab. Rahman & Norlina Ismail. 2015. Persepsi Mualaf Terhadap Pengisian Pengislaman dan Program Pembangunan Mualaf: Kajian di Negeri Sembilan. Kertas Kerja International Conference on Masjid, Zakat & Waqf 2015 (IMAF 2015). Negeri Sembilan, USIM, 1-2 Disember.
- Azman Ab. Rahman, Hairulfazli Mohammad Som, Mohd Nasir Ali & Norlina Ismail. 2016. Skim Agihan Zakat Kepada Mualaf Mengikut Maqasid Syariah: Kajian di Negeri Sembilan dan Selangor. Kertas Kerja Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016, Bangi, KUIS, 22-23 November 2016.
- Buletin MAIS. Ogos 2006:12. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Buletin MAIS. Ogos 2006:4. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor.
- Che Pee bin Saad. 1983. Satu Kajian Perbandingan Tiga Kaedah Pengajaran Tauhid di Maktab Pengurusan Islam. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim Che Noh. 1995. *Dakwah kepada Non-Muslim: Masalah dan Cabarannya*. Dalam *Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini*. Disunting Sidi Gazalba & Zainab Ismail. Bangi:UKM.
- Knowles, M. 1980. *The Modern Practice of Adult Education*. Chicago: Follet Press.
- Mariam Abd. Majid. 2012. Mualaf di Negeri Selangor Darul Ehsan: Kajian Tentang Kepuasan Diri Dalam Anutan Islam. Tesis Dr. Falsafah Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Maziah Husain. 1995. Dorongan Penganutan Agama Islam Bagi Saudara Baru di Wilayah Persekutuan dan Masalah Yang Dihadapi Selepas Penganutannya: Kajian di PERKIM Pusat, Kuala Lumpur. Kertas projek Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohamad Zaid Bin Mohd Zain. 2004. *Kesan Pengajaran dan Pendidikan Agama di Kalangan Saudara Baru: Kajian di PERKIM Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana Jabatan Dakwah & Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Azmi Mat Sah & Maimunah Ismail. 2003. Status Program Pembelajaran di Kalangan Saudara Baru: Satu Kajian Kes di Negeri Melaka. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 11(1): 81-95.
- Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullan @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham. 2009. Keperluan Memahami Psikologi Saudara Muslim. *Jurnal Hadhari* 2: 83-97. Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Ramli Rasid. 1993. Gerakan Dakwah Terhadap Non Muslim di Era Kebangkitan Islam: Kajian Terhadap Peranan dan Aktiviti Badan-badan Dakwah di Pulau Pinang. Kertas Projek Sarjana, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: UKM.
- Ramli, Z. N. 2005. Buletin MAIS. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Syarul Azman Shaharuddin & Razaleigh Muhamad @ Kawangit. 2014. Sikap Pembelajaran terhadap Pencapaian Kursus Fardhu Ain dalam Kalangan Mualaf Cina di Jabatan Agama Islam Daerah Kajang. *Jurnal Islamiyyat* 36 (2): 97-102.
- Syarul Azman Shaharuddin, Mariam Abdul Majid, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah,

- Fakhri Sungit, Zulkifli Abd. Hamid & Hanis Najwa Shahrudin. 2016. Isu dan Permasalahan Muafaf Cina di Malaysia. *Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*, hlm. 1181- 11181.
- Wan Fauziah Wan Mamat. 1992. Peranan Jawi Dalam Dakwah Islamiah Terhadap Saudara Baru: Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Tesis Sarjana Muda Akademi Pengajian Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zainurin Mohd Yasin. 1992. Perkembangan dan Penghayatan Islam di Kalangan Saudara Baru: Kajian Kes di Melaka Tengah. Kertas Projek Sarjana Muda, Fakulti Pengajian Islam. Bangi: UKM.